

# Sebutan kes NFC 21 Mei

**K**UALA LUMPUR: Mahkamah Sesyen di sini semalam menetapkan 21 Mei ini untuk sebutan kes ahli perniagaan Datuk Shamsubahrin Ismail, yang dituduh menipu pengarah Perbadanan Fidlot Nasional (NFC) Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail sebanyak RM1.755 juta.

Hakim Rozilah Salleh menetapkan tarikh itu bagi membolehkan pihak pendakwaan diwakili Ketua Unit pendakwaan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Abdul Razak Musa membuat keputusan sama ada akan meneruskan kes dengan perbicaraan atau menggugurkan pertuduhan.

Kes itu, yang sepatutnya dibicarakan dua hari bermula semalam, ditangguhkan selepas Abdul Razak memberitahu mahkamah bahawa pihaknya menerima surat representasi daripada pembelaan pada 14 Mac lalu untuk mengkaji semula pertuduhan yang dibuat terhadap Shamsubahrin. —  
BERNAMA